

# PETRONAS kekalkan perjanjian domestik, antarabangsa sedia ada

## PETRONAS, Petros bergerak 'sederap' jamin kepentingan negara serta Sarawak

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Suzalina Halid  
bhnews@com.my

**Kuala Lumpur:** Petrolia Nasional Bhd (PETRONAS) akan mengekalkan semua perjanjian domestik dan antarabangsa sedia ada di Sarawak walaupun selepas Petroleum Sarawak Berhad (Petros) mengambil alih kawalan pengagihan gas di negeri itu sebagai agregator, berkuat kuasa 1 Mac ini.

Dalam sesi penerangan aktiviti petroleum di Sarawak di Dewan Rakyat, semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, PETRONAS dan Petros akan bergerak 'sederap' bagi menjamin kepentingan dan hasil negara serta kepentingan negeri Sarawak.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Sarawak memperakui aspirasi Sarawak yang berhasrat menceburi kegiatan industri minyak di negeri berkenaan.

Beliau berkata hasrat itu dipaparkan menerusi Ordinan Pengagihan Gas 2016 (Pindaan) (DGO) dan berkuat kuasa pada 1 Mac, 2025.

"DGO dibaca sekali dengan Akta Kemajuan Petroleum 1974

(PDA), maka Petros berperanan sebagai agregator di Sarawak," kata.

Menjelaskan selanjutnya, Anwar berkata peranan itu tetap mengesahkan kelulusan sebelumnya kepada PETRONAS dan anak syarikatnya.

"Ini bermakna PETRONAS akan mengekalkan semua perjanjian (obligasi berkontrak) domestik dan antarabangsa yang sedia ada," katanya.

Di bawah ordinar itu, Petros dijamin memperoleh gas asli sehingga 1.2 bilion kaki padu sehari untuk keperluan domestik Sarawak dengan jaminan penambahan berdasarkan keperluan berikutnya.'

Perdana Menteri berkata, Petros juga berhak meluaskan kegiatan yang baharu dan memanfaatkan kerjasama dengan PETRONAS.

"PETRONAS dan Petros akan bergerak sederap (serentak) sebagai rakan bagi menjamin kepentingan dan hasil negara serta

kepentingan negeri Sarawak; dan segala rundingan terperinci berikutnya akan mengekalkan manfaat dan kepentingan bersama mengikut prinsip komersial secara telus," katanya.

Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Sarawak juga, kata beliau, turut mengiktiraf Akta PDA 1974 sebagai Akta Persekutuan seperti yang tertera dalam peruntukan undang-undang.

### Agih kepada semua negeri

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, PETRONAS telah menyempurnakan tugas dengan menjamin pengagihan kepada semua negeri.

Merujuk Sarawak, Anwar berkata manfaat pembangunan industri minyak dan gas di Sarawak merangkumi pelaburan hulu dan infrastruktur berjumlah melebihi RM280 bilion sejak 1976.

"Daripada jumlah pelaburan hulu tersebut, dianggarkan lebih RM90 bilion nilai kontrak

yang dibelanjakan dalam tempoh 10 tahun lalu (2014-2024).

"Syarikat vendor berdaftar dari Sarawak telah mendapat kontrak melebihi RM40 bilion dalam tempoh sama," katanya.

Dari segi pulangan kewangan, Perdana Menteri berkata, Sarawak telah menerima bayaran tunai RM49 bilion (sehingga Disember 2024) bagi sumber petroleumnya serta bayaran cukai jualan RM18.66 bilion sehingga suku ketiga 2024.

Sarawak turut memperoleh dividen RM28.6 bilion sehingga Disember 2024 melalui pegangan saham 'State Financial Secretary of Sarawak' (SFS) dalam Syarikat Kumpulan MLNG.

SFS adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah "State Financial Secretary (Incorporation) Ordinance, 1948," kata Anwar.

Pada 14 Januari lalu, Perdana Menteri berkata, beliau percaya isu berkaitan PETRONAS dan Petros mengenai hak pengagihan

gas di Sarawak diselesaikan menerusi beberapa siri rundingan, termasuk pertemuan beliau dengan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Openg.

Anwar dilaporkan berkata, tidak ada kemusykilan dalam perkara dasar yang perlu dicurigakan kerana Akta Kemajuan Petroleum (PDA) 1974 terpakai untuk seluruh negara dan perkara itu diterima kerajaan negeri Sarawak dan Petros.

Dalam sesi penerangan itu, Anwar berkata, PETRONAS memenuhi mandat negara dengan pengurusan mantap sehingga terkenal sebagai antara gergasi di dalam industri petroleum dunia, malah muncul sebagai antara penjana hasil utama belanjawan negara selama hampir setengah abad.

Kini dengan kemunculan Petros, beliau berkata terdapat kewajaran untuk dimantapkan persefahaman dan kerjasama bagi memenuhi kerukunan di atas semangat Persekutuan.

"Maka adalah satu kewajaran dimeterai permuafakatan, agar tatakelola dasar dan pengembangan industri petroleum dan gas terus semarak dan memenuhi mandat Akta PDA 1974 dengan mengambil kira peranan Petros selanjutnya," katanya.

Anwar turut menzahirkan penghargaan kepada PETRONAS dan Jemaah Menteri yang bersetuju untuk menjadikan Petros sebagai pengagregat gas tunggal di negeri itu, serta kerajaan Sarawak kerana kerjasama yang diberikan sepenuhnya.

"Kita bersyukur kepada Allah SWT kerana muafakat ini terus dikekalkan malah ditambah mantapkan bagi menjamin kesejahteraan negara dan negeri Sarawak," katanya.

## Premier Sarawak ucap terima kasih kepada Anwar

**Sibu:** Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Openg menzahirkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana mengiktiraf Petros sebagai agregator gas di Sarawak.

Beliau berkata, penyertaan Petros dalam bidang minyak dan gas adalah sebahagian usaha Sarawak untuk bergerak ke hadapan dalam menyertai seluruh ekosistem ekonomi berdasarkan prinsip kerjasama.

"Kita bukan lokek. Apa yang kita ada, kita kongsi. Petronas dan Petros mesti bekerjasama," tegasnya sambil menekankan kepentingan bersama dalam kerjasama ini.

Beliau berkata demikian pada majlis Rumah

Terbuka Sambutan Tahun Baharu Cina Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Sibu di sini, semalam.

Abang Johari berkata, Sarawak mempunyai kawalan tertentu ke atas sektor ekonomi yang disertainya hasil daripada kekuatan Kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) yang dianggotai Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), SUPP, Parti Demokratik Progresif (PDP) dan Parti Rakyat Sarawak (PRS).

Beliau menggesa semua parti dalam GPS untuk terus bersatu dan mengekalkan kekuatan gabungan itu agar Sarawak dapat menyertai lebih banyak sektor ekonomi serta mencapai perubahan dan pembangunan yang lebih besar pada masa hadapan.

BERNAMA